

PROMOSI PINDAHAN DANA IBG DAN DUITNOW TANPA KOS UOB

Terma dan Syarat

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (199301017069 (271809-K) ("UOB Malaysia") sedang melancarkan **"Promosi Pindahan Dana IBG dan DuitNow Tanpa Kos"** ("Promosi") dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 (kedua – dua tarikh termasuk) atau tarikh lain yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Promosi").

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu UOB Malaysia yang baru dan sedia ada yang menetap di Malaysia, termasuk warga Malaysia, pemastautin tetap atau bukan warga Malaysia, yang berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan yang Layak").
2. Individu berikut tidak layak untuk menyertai Promosi ini:-
 - i. individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, dihukum bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka; dan/atau
 - ii. akaun pelanggan yang melanggar terma dan syarat yang mengawal akaun tersebut; dan/atau
 - iii. individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang aktiviti penipuan atau penyalahgunaan berkaitan dengan akaun, perkhidmatan dan kemudahan yang berkaitan dengan UOB Malaysia; dan/atau
 - iv. akaun pelanggan yang ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada mana-mana lampiran, perintah buruk yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, tertunggak, dan / atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia semasa Tempoh Promosi.

MEKANISME PROMOSI

3. Semasa Tempoh Promosi, tiada yuran akan dikenakan kepada Pelanggan yang Layak untuk semua transaksi pindahan dana Interbank Giro (IBG) dan DuitNow ("Pindahan Dana") yang dilaksanakan melalui UOB Perbankan Internet Peribadi ("PIB") dan UOB TMRW App ("TMRW"). Pengecualian yuran perkhidmatan akan dirujuk sebagai "Pengecualian Yuran".
4. Sila merujuk kepada jadual dibawah untuk had harian maksimum Pindahan Dana yang dikenakan kepada setiap Pelanggan yang Layak:

Jenis Pindahan Dana	Had Harian Maksimum
Pindahan Dana IBG	RM50,000
Pindahan Dana DuitNow	RM50,000

Untuk mengelakkan keraguan, jika Pelanggan yang Layak telah membuat Pindahan Dana melebihi had harian maksimum melalui IBG dan DuitNow, Pelanggan yang Layak tidak akan dapat membuat sebarang Pindahan Dana selanjutnya pada hari tersebut.

5. Pengecualian Yuran adalah **TIDAK** termasuk transaksi Pindahan Dana yang dilaksanakan oleh Pelanggan yang Layak di kaunter di mana-mana cawangan UOB Malaysia.
6. Sila merujuk kepada jadual di bawah untuk perbandingan antara yuran yang dikenakan pada kadar semasa dan yuran yang dikenakan pada Tempoh Promosi bagi Pindahan Dana IBG dan DuitNow melalui UOB PIB dan TMRW :

a) Pindahan Dana IBG

Saluran Pindahan Dana	Yuran yang dikenakan pada kadar semasa untuk setiap pindahan dana IBG		Bayaran Pengecualian untuk setiap pindahan dana IBG semasa Tempoh Promosi.
	RM5,000 dan ke bawah	RM5,000 ke atas	
UOB PIB	RM 0.00	RM 0.10	RM 0.00
UOB TMRW	RM 0.00	RM 0.10	RM 0.00

b) Pindahan Dana DuitNow

Saluran Pindahan Dana	Yuran untuk dikenakan pada kadar semasa untuk setiap Pindahan Dana DuitNow		Pengecualian Yuran untuk setiap Pindahan Dana DuitNow semasa Tempoh Promosi.
	RM5,000 dan ke bawah	RM5,000 ke atas	
UOB PIB	RM 0.00	RM 0.50	RM 0.00
UOB TMRW	RM 0.00	RM 0.50	RM 0.00

7. Pengecualian Yuran juga akan dikenakan untuk transaksi Pindahan Dana yang dilaksanakan semasa Tempoh Promosi menurut arahan tetap (“standing instruction”) yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak kepada UOB Malaysia melalui PIB dan TMRW.

TERMA DAN SYARAT AM

8. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak besetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di atas dan SEMUA Terma dan Syarat yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional),
 - (b) Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun dan Perkhidmatan Islamik,
 - (c) Terma dan Syarat yang mentadbir Perbankan Internet Peribadi dan Perkhidmatan Mudah Alih UOB.
 Terma dan syarat yang disenaraikan di atas hendaklah termasuk, sebarang pindaan atau variasi kepadanya dan keputusan UOB Malaysia berkaitan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan

Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang disenaraikan di atas, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

9. Pelanggan perlu memperolehi penjelasan daripada pegawai yang diberi kuasa oleh UOB Malaysia jika lau beliau mempunyai sebarang keraguan mengenai terma dan syarat yang tidak memahami.
10. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam terma dan syarat ini, Promosi ini tidak sah bersama dengan tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahan, keutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Promosi ini.
11. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOB Malaysia tidak berkewajiban untuk memberikan alasan atau melayan surat-menyurat dengan sebarang orang atau mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Promosi ini.
12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media masa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu.
13. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dilantik berkenaan dengan Promosi yang ditawarkan dan di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
14. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Promosi ini kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Promosi ini.
15. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, Terma dan Syarat ini akan digunakanapakai.
16. Produk deposit adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.
17. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tarikh akhir Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatkan Promosi ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang

dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.

18. UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menamatkan atau mengubah the terma dan syarat Promosi dari semasa ke semasa , sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
19. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

TAMAT